

# **LAPORAN PROJEK INOVASI JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR 2018**

---

## **1.0 TAJUK PROJEK**

### **PENGELUARAN BURGER DAN OBLONG AYAM KAMPUNG (JENAMA ARIS)**

## **2.0 PENGENALAN**

Pemprosesan dan pengeluaran Burger dan Oblong Ayam Kampung yang pertama diproses, dikeluarkan dan di pasarkan di Malaysia. Inovasi produk burger dan Oblong Ayam Kampung ini merangkumi formulasi, kaedah pemprosesan termasuk rekabentuk pembungkusan.

## **3.0 LATAR BELAKANG PROJEK**

- i. Cetusan idea untuk merealisasikan Burger dan Oblong Ayam Kampung ini bermula dengan kelulusan kepada Arisprop Holdings Sdn. Bhd. daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar untuk menyewa Pusat Inkubator Industri Asas Ternak (IAT) yang diterima melalui surat rujukan JPVSEL706/12 JLD 1 (9) bertarikh 27 Disember 2017.
- ii. Asas pengetahuan kaedah ringkas makanan sejuk bekunya adalah melalui Latihan Sangkut Teknologi Pemprosesan Burger Daging dan Bebola Ayam anjuran MARDI pada 7 September 2017.
- iii. Syarikat ini telah melantik konsultan makanan dan sesi uji rasa telah dilaksanakan beberapa kali dalam usaha untuk mendapatkan resepi-resepi yang boleh menyaingi rasa jenama lain.
- iv. Operasi komersial dimulakan pada Februari 2018.

## **4.0 ISU / PERMASALAH PROJEK / SEBAB PROJEK DIJALANKAN**

- i. Arisprop Holdings Sdn Bhd merupakan syarikat Bumiputera Islam yang mempunyai ladang ternakan ayam kampung kacuk secara komersil sedia ada yang terbesar di Selangor dan terbesar di Malaysia dalam kategori Bumiputera Islam, di mana kapasiti ladang ternakannya di Banting, Selangor boleh memuatkan 80,000 ekor untuk satu pusingan
- ii. Berdasarkan kepada perkembangan, penggunaan dan permintaan ayam kampung kacuk yang sangat memberangsangkan, Arisprop sedang dalam membangunkan ladang ayam kampung kacuk mega

berkeluasan 50 ekar di Muadzam, Pahang yang berkapasiti 800,000 ekor untuk satu pusingan.

- iii. Pengeluaran produk IAT daripada daging ayam kampung ini merupakan salah satu rancangan untuk meningkatkan dan mempelbagaikan pasaran.

## **5.0 MATLAMAT PROJEK**

Selari dengan dasar dan matlamat negara dalam memperkasakan bidang pertanian khususnya dalam pengeluaran makanan dalam negara, Arisprop yang dianggotai oleh tenaga kerja pakar dan professional telah menyahut seruan kerajaan dan fardhu kifayah dalam mempelbagaikan varieti pengeluaran makanan halal dalam negara bagi menampung keperluan dan mengurangkan kebergantungan import negara.

## **6.0 INOVASI SEBELUM DAN SELEPAS PROJEK**

### **6.1 SEBELUM PROJEK**

Berdasarkan kajian awal, tidak ada lagi syarikat lain yang memproses dan memasarkan secara komersial produk burger dan oblong ayam kampung. Pasaran masa kini hanya menampilkan produk burger dan oblong ayam daging.

### **6.2 SELEPAS PROJEK**

Berdasarkan kepada pelan perniagaan, Arisprop telah merealisasikan perancangan dan berjaya memproses dan mengeluarkan produk makanan sejuk beku iaitu sebanyak 12 produk termasuk burger dan oblong ayam kampung dengan kategori saiz dan berat bungkusan yang berbeza dengan keseluruhannya adalah 24 kategori.

## **7.0 OUTPUT / OUTCOME / IMPAK PROJEK**

- i. Inovasi Burger dan Oblong Ayam Kampung ini dilaksana dan direalisasikan merangkumi formulasi dan kaedah pemprosesan, pengeluaran, rekabentuk pembungkusan dan kategori saiz serta berat bungkusan iaitu 60 gram dan 70 gram untuk burger ayam kampung dengan 6 keping setiap bungkusan. Manakala oblong pula dengan 2 kategori saiz iaitu 70 gram dan 100 gram dengan 5 keping setiap bungkusan.

- ii. Kesemua proses yang merangkumi formulasi, bahan-bahan mentah termasuk ayam kampung kacuk serta kaedah-kaedah yang lain telah disemak, diakui dan telah mendapat kelulusan Sijil Halal oleh pihak JAIS serta JAKIM dan Sijil Halal Burger dan Oblong Ayam Kampung ini merupakan yang pertama di Malaysia dalam kategori produk hiliran yang berasaskan ayam kampung.
- iii. Projek ini membuktikan Arisprop yang merupakan syarikat bumiputera Islam mampu mengeluarkan produk hiliran/ IAT yang berinovasi, berkualiti dan mampu menyahut seruan kerajaan dan fardhu kifayah dalam mempelbagaikan varieti pengeluaran makanan halal untuk negara.
- iv. Merencanakan ekonomi negara dalam pengeluaran dan permintaan (*supply & demand*) produk inovasi burger dan Oblong Ayam kampung di dalam dan luar negara (eksport).
- v. Dapat membangun dan mengembangkan usahawan-usahawan yang berkaitan dengan pemprosesan, pengeluaran dan penggunaan produk ini yang merangkumi pembekal bahan mentah, penternak ayam kampung, usahawan dan peniaga burger seluruh negara, kedai sejuk beku, pasaraya dan lain-lain.
- vi. Meningkatkan imej Jabatan Perkhidmatan Veterinar khususnya dan MARDI serta Kementerian Pertanian dan Asas Tani amnya yang berjaya membimbing syarikat bumiputera sehingga mampu mengeluarkan produk yang berinovasi dan berkualiti.

## 8.0 GAMBAR / ILUSTRASI BERKAITAN







